

JADUAL KETIGA

[(subkaedah 5(2)/ subrule 5(2) ]

AKTA INDUSTRI PERKHIDMATAN AIR 2006

*WATER SERVICES INDUSTRY ACT 2006*

KAEDAH-KAEDAH INDUSTRI PERKHIDMATAN AIR (PERMIT) 2007

*WATER SERVICES INDUSTRY (PERMIT) RULES 2007*

PERMIT IPA JENIS A/B/C/D/E\*

*IPA TYPE A/B/C/D/E\* PERMIT*

No. Permit:  
*Permit Number:* SPAN/EKS/(PT)/800-2E/2/13/92

Nama pemegang permit:  
*Name of permit holder:* JERNIH SEWERAGE MAINTENANCE

Alamat pemegang permit:  
*Address of permit holder:* A-2-2, PUSAT KOMERSIL PARKLANE, JALAN SS  
7/26, KELANA JAYA, 47301 PETALING JAYA,  
SELANGOR DARUL EHSAN

Tujuan permit:  
*Purpose of permit:* PERMIT IPA JENIS E

Negeri atau negeri-negeri di mana kerja-kerja boleh diusahakan:  
*State or states in which the works may be carried out:*  
WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR

Permit sah dari:  
*Permit is valid from:* 03 APRIL 2021

sehingga  
*to* 02 APRIL 2024

Permit tertakluk kepada terma dan syarat yang dilampirkan.  
*Permit subject to terms and conditions as attached.*

Fi Permit:  
*Permit fee:* RM 2700.00



A handwritten signature in black ink, appearing to be 'S. S. S.', located below the permit details and above the official name.

Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara

Resit No.: PO024882  
*Receipt No.:*

Tarikh  
pengeluaran/pembaharuan: 14 APRIL 2021  
*Date of issue/renewal*

## SYARAT-SYARAT STANDARD

[Subkaedah 7(1) Kaedah-kaedah Industri Perkhidmatan Air (Permit) 2007]

Pemegang permit hendaklah mematuhi syarat-syarat permit yang hendaklah termasuk syarat-syarat standard yang berikut :-

- 1 Pemegang permit hendaklah menjalankan kerja, dan di dalam negeri atau negeri-negeri yang dinyatakan dalam permit itu sahaja;
- 2 Pemegang permit hendaklah memaklumkan Suruhanjaya mengenai apa-apa perubahan butir-butir pemegang permit;
- 3 Pemegang permit hendaklah memberikan maklumat, dalam format dan pada lat tempoh, sebagaimana yang dikehendaki oleh Suruhanjaya;
- 4 Pekerja dan pekhidmat pemegang permit hendaklah dibenarkan untuk menjalankan kerja yang dibenarkan di bawah permit bagi pemegang permit dengan syarat bahawa pemegang permit hendaklah pada setiap masa bertanggungjawab terhadap semua tindakan atau peninggalan pekerja dan pekhidmatnya;
- 5 Pemegang permit hendaklah pada setiap masa mengekalkan perakuan pendaftaran yang diperlukan sebagai kontraktor berdaftar yang dikeluarkan oleh Lembaga, jika diperlukan;
- 6 Pemegang permit hendaklah pada setiap masa memiliki dan mengekalkan kelayakan untuk memegang permit sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya dari semasa ke semasa;
- 7 Pemegang permit hendaklah pada setiap masa berurusan dengan pengguna secara adil dan munasabah dan jika terpakai, mematuhi standard pengguna;
- 8 Pemegang permit hendaklah pada setiap masa melindungi keselamatan orang awam dan pekerjaannya dan hendaklah pada setiap masa mematuhi tatacara dan peraturan pekerjaan, kesihatan dan keselamatan yang berkaitan yang dikenakan oleh pihak berkuasa yang berkaitan;
- 9 Pemegang permit, pekerja dan pekhidmatnya hendaklah pada setiap masa mematuhi kehendak kesihatan yang terpakai yang dikenakan oleh pihak berkuasa kesihatan yang berkaitan;
- 10 Pemegang permit hendaklah menuruti dan mematuhi syarat permit dan peruntukan Akta dan mana-mana perundangan subsidiari yang dibuat atau instrumen lain yang dikeluarkan di bawah Akta; dan
- 11 Pemegang permit hendaklah mematuhi syarat lain sebagaimana yang dikenakan oleh Suruhanjaya dari semasa ke semasa.

## SYARAT-SYARAT KHAS

[Subkaedah 7(1)(k) Kaedah-kaedah Industri Perkhidmatan Air (Permit) 2007]

Pemegang permit hendaklah mematuhi syarat-syarat permit yang hendaklah termasuk syarat-syarat khas permit yang berikut :-

- 1 Pemegang permit perlulah memastikan bahawa mereka sentiasa mempunyai pekerja-pekerja yang berkelayakan bagi menjalankan operasi syarikat.
- 2 Pemegang permit hendaklah memastikan bahawa kerja-kerja yang disubkan diberikan kepada kontraktor yang merupakan pemegang-pemegang permit yang sah dengan SPAN.
- 3 Sekiranya terdapat perubahan dalam senarai lori tangki yang telah didaftarkan dengan SPAN **semasa permohonan permit dibuat** (pertambahan atau pengurangan lori tangki), pemegang permit hendaklah **memaklumkan kepada SPAN** melalui e-mel [permitquery@span.gov.my](mailto:permitquery@span.gov.my) dalam tempoh **satu (1) bulan dari tarikh perubahan senarai lori tangki** tersebut. (*Kerja-Kerja Menyahenap Cemar (Desludging) dan Pelupusan Enap Cemar Kumbahan (Wet Sludge)*)
- 4 Pemegang permit hendaklah **bertanggung jawab** ke atas lori tangki yang berada di bawah milikan dan kawalannya. (*Desludging dan Wet Sludge*)
- 5 Pemegang permit hendaklah mengecat lori tangki mengikut spesifikasi yang ditetapkan oleh SPAN sebagaimana digariskan di dalam Garis Panduan Pematuhan Syarat Khas Tambahan Pemegang Permit E dalam tempoh **satu (1) bulan daripada tarikh kelulusan Permit E**. (*Desludging dan Wet Sludge*)
- 6 Pemegang permit diwajibkan **memasang peralatan navigasi GPS** di dalam setiap lori tangki yang dimiliki/digunakan mengikut spesifikasi yang ditetapkan oleh SPAN sebagaimana digariskan di dalam Garis Panduan Pematuhan Syarat Khas Tambahan Pemegang Permit E dalam tempoh **satu (1) bulan daripada tarikh kelulusan Permit E**. GPS hendaklah sentiasa diaktifkan semasa menjalankan kerja-kerja menyahenap cemar dan pelupusan enap cemar kumbahan. (*Desludging dan Wet Sludge*)
- 7 Pemegang permit hendaklah sentiasa menjalankan kerja-kerja pelupusan enap cemar kumbahan di **fasiliti rawatan enap cemar kumbahan dan tapak pelupusan yang dibenarkan atau diluluskan** oleh Jabatan Alam Sekitar, Indah Water Konsortium Sdn Bhd atau pihak berkuasa yang berkaitan. (*Desludging dan Wet Sludge*)
- 8 Pemegang permit hendaklah mendapatkan **bukti atau pengesahan** daripada Jabatan Alam Sekitar atau Indah Water Konsortium Sdn Bhd atau pihak berkuasa yang berkaitan setiap kali pelupusan dibuat di fasiliti rawatan enap cemar kumbahan atau tapak pelupusan. (*Desludging dan Wet Sludge*)
- 9 Pemegang permit hendaklah memastikan **rekod** bagi setiap perkara di bawah **sentiasa dikemaskini dan tersedia** apabila diminta oleh SPAN

*(Desludging dan Wet Sludge):*

- i. tarikh dan lokasi kerja-kerja menyahenap cemar dilakukan;
  - ii. isipadu enap cemar kumbahan ( $m^3$ ) yang dikumpul bagi setiap premis;
  - iii. jumlah isipadu enap cemar ( $m^3$ ) yang dilupuskan ke tapak pelupusan sepertimana Perkara 7 dan 8;
  - iv. rekod pergerakan lori tangki menggunakan sistem navigasi GPS; dan
  - v. dokumen pengesahan penerimaan enap cemar kumbahan oleh pemilik/pengusaha/pengendali fasiliti rawatan enap cemar kumbahan dan tapak pelupusan.
- 10 Sekiranya terdapat perubahan dalam senarai lori angkut bahan yang telah didaftarkan dengan SPAN **semasa permohonan permit dibuat** (pertambahan atau pengurangan lori angkut bahan), pemegang permit hendaklah **memaklumkan kepada SPAN** melalui e-mel [permitquery@span.gov.my](mailto:permitquery@span.gov.my) dalam tempoh satu (1) bulan dari tarikh perubahan senarai lori tersebut. (Kerja-Kerja Pelupusan Enap Cemar Kumbahan Terawat *(Dry Sludge)*)
- 11 Pemegang permit hendaklah **bertanggung jawab** ke atas lori angkut bahan yang berada di bawah milikan dan kawalannya. *(Dry Sludge)*
- 12 Pemegang permit hendaklah sentiasa menjalankan kerja-kerja **pelupusan** enap cemar kumbahan terawat di **tapak pelupusan yang dibenarkan atau diluluskan** oleh Jabatan Alam Sekitar atau pihak berkuasa yang berkaitan. *(Dry Sludge)*
- 13 Pemegang permit hendaklah mendapatkan **bukti atau pengesahan** daripada Jabatan Alam Sekitar atau pihak berkuasa yang berkaitan setiap kali pelupusan enap cemar kumbahan terawat dibuat di tapak pelupusan. *(Dry Sludge)*
- 14 Pemegang permit hendaklah memastikan **rekod** bagi setiap perkara di bawah **sentiasa dikemaskini dan tersedia** apabila diminta oleh SPAN *(Dry Sludge)*:
- i. tarikh dan lokasi pengambilan enap cemar terawat (loji rawatan kumbahan/fasiliti rawatan enap cemar) dan lokasi tapak pelupusan;
  - ii. jumlah berat enap cemar terawat (kg) yang dilupuskan ke tapak pelupusan sepertimana Perkara 12 dan 13; dan
  - iii. dokumen pengesahan penerimaan enap cemar kumbahan terawat oleh pemilik/pengusaha/pengendali tapak pelupusan.